

membuat kacau di dunia.

Seni itu membawa nama - nama yang berlainan seperti Karate, Kempo, Judo, Kendo, dan Jujitsu di kalangan masyarakat Jepun; Koon-tau, Kongfu dan Tai Chi di kalangan masyarakat Cina dan Pencak Silat di kalangan masyarakat Melayu.

Dan lapisan masyarakat yang paling ramai tertarik untuk mempelajari seni ini ialah muda-mudi kita.

Seni Silat Melayu berpecah kepada berbagai cawangan seperti Silat Sending, Gayong dan Harimau.

Penyakit

Menurut seorang guru silat tempatan, Encik Sulong bin Bachok, 52 tahun, seni inihanya dapat diperkekalkan terus sekiranya pendekar-pendekar tidak lagi mempunyai sikap pendekar-pendekar lama — merahsiakan sebahagian dari seni itu kepada umum.

Kata Encik Sulong: "Untuk seni ini hidup subur, ia haruslah diperkembangkan dan diperkenalkan kepadamasyarakat sekitar tidak kira keturunan bangsa.

"Kerana seni ini adalah universal untuk masyarakat cuma namanya saja yang berlainan dan gerak-langkahnya yang dipadankan dengan rumpun sesuatu bangsa di mana seni itu berkembang."

Encik Sulong, yang telah giat dalam seni silat selama 27 tahun berpendapat bahawa peringkat umur yang paling baik untuk mempelajarinya ialah sewaktu seseorang itu masih kecil lagi.

"Kerana sewaktu umur yang semuda itu, mudah sekali unsur-unsur rohani dan sifat-sifat budipekerti yang baik dapat disemaikan menerusi pengajaran seni itu," ujarnya.

Katanya, banyak tenaga dan kecergasan diperlukan dari murid-murid silat — tidaklah melupakan juga perlunya sifat sabar di kalangan mereka.

Gambaran ringkas seni ini telah diberikan oleh Encik Sulong dalam satu kunjungan ke gelanggang latihannya di Balai Rakyat Kampong Kembangan.

Dia mempunyai seramai 122 orang murid yang terdiri dari kanak-kanak yang semuda 10 tahun kepada mereka yang dalam lingkungan dua-puluhan.

Dengan dibantu oleh lapan orang penolongnya, Encik Sulong mengajarkan berbagai jenis gerak dan langkah

mengikutnya. Mereka ialah Katherine Kwee, 10 tahun, Rosalind Kwee, 13 tahun, Susan Lim, 15 tahun, Albert Kwee, 15 tahun, dan Dennis Lim, 14 tahun.

Susan untuk mengikut sama. Selepas itu dia pula mengajak jiran mereka yang datang dari keluarga yang sama—Albert Rosalind dan Katherine.

35 regu dipilih utk Pesta Bersilat '74

SEJUMLAH 35 regu daripada 56 regu kumpulan silat telah dipilih untuk bertanding dalam Pesta Bersilat 1974 pada 1 Mac ini anjuran Badan Kesenian Melayu.

Pesta yang akan diadakan di Panggung Victoria itu akan disertai oleh sejumlah 11 buah kumpulan silat.

Mereka semua akan merebut sebuah oskar dan perisai pusingan dalam peringkat akhir di mana kepintaran dan kelancaran mereka menguasai gerak-langkah seni masing-masing itu akan diadili.

Setiausaha badan itu, Encik Ja'ajar Haji Ya'acob, berkata bahawa dalam bahagian dewasa, kumpulan Perwanit mempunyai harapan untuk menang tetapi mesti menghadapi tentangan dari dua kumpulan — Habsah 33 dan Harimau.

Dalam bahagian kanak-kanak, kata Encik Ja'afar, kumpulan silat Gerak 17 mempunyai harapan dan mesti juga menerima tentangan dari kumpulan silat Balai Rakyat Kampong Ubi dan Sekolah Menengah Maju.

Kumpulan-kumpulan itu telah dipilih dalam satu ujian peringkat akhir pesta itu yang diadakan Ahad lalu di Dewan Kebudayaan Kampong Ubi.

Kumpulan-kumpulan yang terpilih ialah Koon-tau Melaka (3 regu), Perwanit (3 regu), Balai Rakyat Sennet (2 regu), Silat Chekat (3 regu), Silat Harimau (3 regu), Sekolah Menengah Maju (1 regu), Balai Rakvat Mounthatten (4 regu), Gerak 17 (6 regu), Balai Rakyat Kampong Eunon (3 regu), Kumpulan Jalan Betek (4 Regu), dan Habsah 33 (4 regu).

Tiket-tiket berharga \$3 dan \$2 boleh didapati dari badan-badan yang mengambil bahagian atau kepada Encik Ja'afar di alamat Blok 37, 297M, Chai Chee Avenue.